

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6835**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lan [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap ancaman dadah dalam negara memandangkan dadah telah menyerap masuk dalam masyarakat Malaysia seperti kes bertambahnya pemandu bas yang menagih, tangkapan walaupun Negara mempunyai undang-undang dadah yang keras dan ketat serta punca-punca penularannya.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dadah masih menjadi ancaman utama negara. Punca-punca penularan permasalahan dadah di negara adalah disebabkan kewujudan dadah jenis sintetik yang banyak. Penggunaan dadah jenis sintetik ATS (*Amphetamine Type Stimulan*) adalah semakin meningkat kerana ia mudah diproses, lebih-lebih lagi dengan adanya manual memproses dadah jenis sintetik ini di dalam internet. Cara hidup masyarakat yang lebih menjurus kepada hiburan pada masa kini merupakan sebab utama penyalahgunaan dadah jenis sintetik ini.

Permintaan terhadap dadah adalah meningkat memandangkan bekalan dadah amat mudah diperolehi. Kemasukan dadah ke dalam negara melalui pelancong asing dan pelajar asing serta kewujudan makmal-makmal dadah untuk memproses dadah jenis sintetik (ATS) turut menyumbang kepada kelimpahan bekalan dadah dalam negara.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memastikan pemandu bas bebas daripada pengaruh dadah. Operasi yang dilaksanakan adalah pengambilan sampel air kencing terhadap semua pemandu bas di terminal-terminal bas di seluruh negara.

Pada tahun 2014, sebanyak 9,353 ujian saringan awal telah dijalankan ke atas pemandu bas di terminal-terminal bas. Daripada jumlah ujian tersebut, sebanyak 30 kes didapati positif.

Selain itu, AADK turut menjalankan operasi bersepadu dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi penguatkuasaan bagi mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela.

Operasi ini tidak terhad untuk pemandu bas sahaja tetapi kepada semua yang disyaki penagih dadah. Sehingga bulan April 2014, sebanyak 371 operasi bersepadu dengan 6,232 ujian saringan air kencing telah dijalankan oleh AADK. Sejumlah 934 orang didapati positif saringan awal sementara seramai 118 orang telah positif patologi. Sejumlah 464 orang telah mengambil dadah jenis *methamphetamine* manakala 287 orang telah mengambil dadah jenis opiat. Ini menunjukkan perubahan *trend* dalam pengambilan dadah oleh golongan remaja pada hari ini yang lebih cenderung menyalahgunakan dadah jenis *methamphetamine*.